

'Jangan jadi jaguh, selesai dengan baik'

- PM ingatkan tiada respons negatif tentang isu kuil Hindu di Jalan Masjid India
- Cari jalan terbaik agar tidak keruhkan keadaan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

SEPANG – Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihatkan semua pihak supaya tidak cuba menjadi 'jaguh' dalam isu penempatan semula Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, isu berkenaan telah dirundingkan selama bertahun-tahun dan bukan rundingan baharu.

Beliau berharap supaya tidak perlu ada respons yang kurang wajar termasuk daripada kalangan masyarakat mengenai isu itu dan berharap ia dapat ditangani dengan baik.

"Masalahnya ada penunggang-penunggang agama termasuk peguam-peguam yang tidak pernah terlibat dalam kegiatan agama terus jadi jaguh dan buat kenya-



ANWAR beramah mesra dengan orang ramai selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA, Sepang semalam. – FAIZ ALIF ZUBIR

taan umpamanya nak merobohkan (kuil berkenaan).

"Saya tidak boleh bayangkan saya sebagai Perdana Menteri merobohkan mana-mana kuil

ataupun kegiatan agama orang lain.

"Adalah (perlu) cari jalan baik supaya mereka mendapat tapak yang sah dan diiktiraf dan

mudah-mudahan diselesaikan dengan baik," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Abdul Samad, KLIA di sini semalam.

Katanya, masjid akan terus dibina, manakala kuil akan disediakan (tapak lain).

Anwar berkata, tanah itu bukan tanah kerajaan walaupun asalnya tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tetapi itu tidak bermakna tanah kerajaan di mana-mana pun boleh digunakan tanpa kelulusan.

Sebelum ini, bekas presiden Badan Peguam Malaysia Ambiga Sreenevasan dan kumpulan hak asasi manusia, Lawyers for Liberty (LFL) mengadakan sidang akhbar berhubung rancangan perobohan kuil Hindu bagi memberi laluan kepada pembinaan masjid.

Peguam yang mewakili jawatankuasa Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman membayangkan DBKL terlibat lebih banyak dalam isu tapak kuil tersebut.

N Surendran yang juga pengasas bersama LFL berkata, DBKL seolah-olah mencadangkan kerajaan tiada kaitan dengan isu itu, memandangkan tanah tersebut milik persendirian.

DBKL sebelum ini dilaporkan memberi komitmen tidak akan melakukan sebarang aktiviti perobohan ke atas kuil berkenaan.